

18/03/1997

Kerajaan terus bangunkan industri kimia

KUANTAN, Isnin - Kerajaan akan terus membangunkan industri kimia dan keluarannya sebagai kelompok rangkaian antarabangsa dalam tempoh sepuluh tahun akan datang, mengikut Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, selaras strategi Malaysia yang berorientasikan global, industri itu akan digalakkan beralih kepada kegiatan mempunyai nilai tambah yang tinggi, mengutamakan kegiatan hiliran dan awalan supaya kegiatan serta keluarannya lebih meluas.

Berucap merasmikan serentak kilang Grace Packaging (M) Sdn Bhd dan Grace Specialty Chemical (M) Sdn Bhd di sini, Perdana Menteri berkata melalui PIP2, sektor polimer juga dijangka beralih kepada pembangunan keluaran dan kegiatan yang mempunyai nilai ditambah.

W R Grace & Co (W R Grace), firma induk kedua-dua syarikat itu, adalah antara syarikat awal membuat pembaharuan untuk keluaran, proses, aplikasi baru serta mempunyai keupayaan teknikal dan pemasaran untuk mengembangkan perniagaan mereka secara global.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengalu-alukan syarikat itu membesar dan mempelbagaikan operasi mereka dalam bidang pengeluaran pembungkusan fleksibel, sistem dan aplikasinya serta keluaran dan sistem bahan silika berprestasi tinggi.

Beliau berkata, setakat ini Malaysia mendapat banyak manfaat dari kehadiran pelaburan langsung asing (FDI) di dalam sektor perkilangan, terutama Amerika Syarikat yang menjadi pelabur utama sektor itu.

Sehingga 1996, sebanyak 528 projek dari Amerika Syarikat dan pelaburan sebanyak RM15 bilion diluluskan untuk sektor perkilangan. Sepanjang tempoh itu, pelaburan Amerika Syarikat yang diluluskan meningkat 60.6 peratus iaitu RM1.8 bilion pada 1995 kepada RM2.9 bilion tahun lalu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, pelaburan Amerika Syarikat tertumpu kepada industri elektrik dan elektronik, kimia dan keluaran kimia, keluaran getah, keluaran petroleum, makanan dan peralatan pengangkutan.

(END)